

MASALAH SOSIAL: APA PERANAN KOMUNITI?

Dr. Mohammad Shatar Sabran
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia
Serdang 43400 Selangor

Abstrak

Hampir setiap hari masyarakat di negara ini didedahkan dengan pelbagai masalah sosial. Masalah yang berlaku pada hari ini tidak mengira bangsa, agama, keturunan, dan umur. Keadaan menjadi lebih serius lagi apabila kebanyakan mereka yang terlibat dengan pelbagai masalah sosial ini adalah dikalangan remaja. Senario ini tidak boleh dibiarkan berlarutan kerana ia akan memberikan kesan yang amat ketara kepada pembangunan dan kestabilan negara pada masa hadapan.

Justeru itu pelbagai langkah drastik perlu dilaksanakan sebelum masalah sosial yang berlaku di negara ini terutamanya di kalangan remaja menjadi lebih serius lagi. Pelbagai pihak perlulah berganding bahu untuk memastikan masalah sosial yang berlaku pada hari dapat diselesaikan dengan secepat mungkin sebelum terlambat. Sebelum nasi menjadi bubur, pihak-pihak yang terlibat perlulah melaksanakan pelbagai langkah yang perlu untuk membentasi masalah sosial ini.

Kertas kerja ini akan membincangkan peranan yang perlu dimainkan oleh komuniti untuk memastikan masalah sosial yang berlaku pada hari dapat dibendung dengan berkesan. Pendekatan yang dikenali sebagai *Community Centered Model (CCM)*, akan membincangkan dengan terperinci apakah peranan yang perlu dimainkan oleh komuniti yang terlibat untuk menyelesaikan masalah sosial yang berlaku pada hari ini. Strategi dan kaedah yang dicadangkan oleh model ini akan dapat membantu setiap komuniti yang terlibat untuk menyelesaikan sebarang masalah sosial yang berlaku.

Adalah diharapkan melalui cadangan yang dikemukakan oleh CCM ini, komuniti di negara ini bukan sahaja mampu untuk membentasi masalah sosial yang berlaku dengan lebih berkesan, malah ia juga dapat membawa masyarakat yang terlibat ke arah kemajuan yang membanggakan di masa yang akan datang.

Disediakan oleh:

Dr. Mohammad Shatar Sabran
Pensyarah Masalah Sosial, Kepimpinan dan Pembangunan Komuniti
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia
Serdang 43400 Selangor

Tel: 03-8946767 / Hp: 012-2779037
e-mail: shatar@putra.upm.edu.my